

# **LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR**

## **MASALAH BILIK KULIAH DI FAKULTI KEJURUTERAAN DAN REKABENTUK KELAS PINTAR**

**OLEH :**

**ROZIMAH MOHAMMAD  
SARIAH IBRAHIM  
TUAN NOR ARSHAD TUAN DALAM**

**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR.**

## **ISI KANDUNGAN**

1. SEKAPUR SIREH
  2. PRAKATA
  3. KAJIAN SOAL SELIDIK PELAJAR
  4. CADANGAN DARI PELAJAR
  5. PERABUT YANG BERMUTU
    - 5.1 CIRI-CIRI PERABUT YANG BERMUTU
  6. CADANGAN KELAS PINTAR
    - 6.1 KEBAIKAN/KELEBIHAN DIWUJUDKAN KELAS PINTAR
  7. KAD PINTAR
  8. PAPAN PUTIH
- KESIMPULAN
- LAMPIRAN
- CONTOH-CONTOH KEROSAKKAN DI KELAS

## **PENGHARGAAN**

Segala pujian bagi ALLAH s.w.t. kerana dengan izin dan restuNya, projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Adalah diharap dengan terhasilnya laporan ini dapat di manfaatkan oleh pelajar-pelajar serta kakitangan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal ini.

Pertama sekali penghargaan ini kami tujukan kepada penasihat projek kami iaitu Puan Zahurin Binti Abdul Halim, kerana telah banyak bersusah payah membantu kami dalam memberi tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Segala nasihat beliau amat kami hargai serta jutaan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan. Ucapan terima kasih ini juga kami tujukan kepada kaki tangan ITM di bahagian Unit Penyelenggaraan dan Pembangunan, kakitanga-kakitangan Fakulti Kejuruteraan, Pensyarah-pensyarah yang terlibat, rakan-rakan serta pelajar-pelajar sekalian, kerana telah sudi memberikan maklumat yang diperlukan, nasihat dan penerangan disepanjang kami menjalankan projek ini.

Sesungguhnya kami semua amatlah berbangga dan berterima kasih diatas kesudian dan keikhlasan anda semua dalam memberikan tunjuk ajar serta komen-komen yang membina. Semangat kerjasama dan dorongan itulah yang telah menjadi tonggak utama kejayaan projek ini. Semoga budi baik yang kalian berikan akan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah hendaknya.

Sekian Terima Kasih.

1. Tuan Nor Arshad Tuan Dalam
2. Sariah Ibrahim
3. Rozimah Mohammad

## **Matlamat pengkajian**

Objektif yang hendak dicapai dalam pengkajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Mengkaji kelemahan sistem pentadbiran .
- 2) Mengenal pasti kerosakan yang terdapat didalam bilik kuliah.
- 3) Menyelesaikan masalah yang timbul.
- 4) Cadangan.

### **3.0 Kajian soal selidik terhadap pelajar.**

Bagi menilai dan mengetahui sama ada kedudukan kelas menepati ciri-ciri yang baik,dari itu maklum balas dari pelajar adalah perlu supaya kekurangan yang dapat diperbaiki untuk kegunaan masa-masa akan datang .

Oleh itu, kami telah menjalankan soal selidik kepada seramai 42 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari fakulti kejuruteraan. Daripada kaji selidik tersebut, kami telah mengemukakan beberapa pernyataan berikut :-

- 1) Adakah anda berpuas hati dengan susun atur kerusi dan meja didalam kelas yang anda belajar?.
- 2) Adakah anda setuju makmal dijadikan kelas untuk belajar setiap hari?.
- 3) Adakah anda setuju kafeteria dijadikan tempat untuk anda belajar setiap hari?.
- 4) Adakah anda suka pensyarah anda menulis di papan putih?.
- 5) Adakah anda suka pensyarah anda menulis di papan hitam ?.
- 6) Seringkali anda melihat pensyarah anda memadam tulisan di papan putih/hitam menggunakan kertas,adakah anda setuju perbuatan sedemikian?.
- 7) Adakah anda setuju jika ujian diadakan didalam kelas yang sedemikian(kelas yang kecil).
- 8) Adakah anda berpuas hati dengan rekabentuk kerusi dan meja didalam kelas anda itu?